

Indonesia sekat agensi kenakan caj lebih RM15,000

Langkah pastikan MoU pembantu rumah dipatuhi

Oleh Iah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Indonesia akan mengambil tindakan menyekat mana-mana agensi pengambilan pembantu rumah di negara itu yang mengenakan bayaran melebihi RM15,000 seperti yang sudah tertakluk dalam memorandum persefahaman (MoU) antara Malaysia yang ditandatangani April lalu.

Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Hermono berkata, langkah itu dilakukan untuk memastikan semua klausa MoU itu dipatuhi pada setiap masa, sekali gus majikan di negara ini tidak dikenakan bayaran tinggi.

"Majikan Malaysia bebas mengupah pembantu rumah dari mana-mana negara yang mereka suka, tetapi di Indonesia, jika kita dapati mana-mana agensi mengenakan bayaran melebihi RM15,000, ia akan dilarang daripada mengambil pekerja kita.

"Saya akan menasihati mana-mana majikan yang sudah dikenakan bayaran tinggi supaya melaporkan agensi itu kepada kedutaan dan kami akan mengambil tindakan segera," katanya seperti dilaporkan portal Free Malaysia Today, semalam.

Beliau mengulas laporan sebuah media semalam yang mendakwa pengambilan pembantu rumah Indonesia dikesan mempunyai 'kos tersembunyi' berbanding had harga RM15,000 yang sudah ditetapkan.

Kenakan bayaran tambahan

Presiden Persatuan Sumber Manusia Kebangsaan Malaysia, Zarina Ismail, dilaporkan berkata, walaupun had harga yang dikenakan kerajaan adalah munasabah, beberapa agensi mungkin mengenakan bayaran tambahan untuk perkhidmatan tambahan yang perlu mereka tanggung.

Katanya, caj tambahan disebabkan oleh risiko yang diambil beberapa agensi berikutan MoU itu.

Persatuan Agensi Pekerjaan Malaysia (PAPA) sebelum ini menjelaskan kemasukan sekumpulan besar pembantu rumah Indonesia ke negara ini hanya berlaku pada bulan ini.

Presidennya, Datuk Foo Yong Hooi, berkata ini kerana berlaku


"Saya akan menasihati mana-mana majikan yang sudah dikenakan bayaran tinggi supaya melaporkan agensi itu kepada kedutaan dan kami akan mengambil tindakan segera"



Hermono,
Duta Besar
Indonesia

kelewatan membabitkan dokumentasi di peringkat Kedutaan Indonesia yang prosesnya hanya diuruskan selepas 1 September dan kebiasaannya boleh diselesaikan dalam tempoh satu hingga dua bulan.

Beliau berkata, majikan juga perlu membayar gaji berjumlah RM1,840 (tanpa cuti) atau RM1,500 dengan cuti kepada pembantu rumah Indonesia seperti termaktub dalam MoU antara negara itu dan Malaysia yang dipersetujui sebelum ini.



Mahdzir beramah mesra dengan pengunjung Jelajah Mini Karnival Keluarga Malaysia FELCRA di Pasir Mas, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Hutang peserta FELCRA RM230 juta dalam proses untuk dilupus

Pasir Mas: Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam proses memuktamadkan kaedah untuk melupuskan hutang peserta FELCRA yang tertunggak membabitkan nilai RM230 juta.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata jumlah hutang itu membabitkan 20,000 peserta sejak lebih 30 tahun lalu.

Katanya, hutang berkenaan sudah lama dan membabitkan beberapa generasi dengan ada dalam kalangan mereka sudah meninggal dunia.

"Banyak masalah dibangkitkan mengenai isu tunggakan hutang membabitkan peserta FELCRA dan sehingga kini berjumlah RM230 juta.

"Hutang yang dibuat peserta FELCRA adalah membabitkan kos pembangunan termasuk proses pembersihan tanah, pagar

dan penanaman pokok sebelum hutang berkenaan dibayar sebaik mendapat hasil.

"Justeru, kita sedang memuktamadkan bagaimana mahu melupuskan hutang berkenaan dan pada masa sesuai nanti, kita akan putuskan sebelum mengumumkan secara rasmi," katanya pada sidang media selepas merasmikan Jelajah Mini Karnival Keluarga Malaysia FELCRA di sini, semalam.

Mengulas lanjut, katanya, sekiranya hutang berkenaan tidak dilupuskan, generasi akan datang akan mengalami isu sama.

"Jadi, lebih baik kita mencari jalan bersesuaian dan kita akan lihat perkara ini selepas Pengerusi FELCRA, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub membentangkan perkara ini kepada saya," katanya.

541,315 kuota pengambilan pekerja warga asing dilulus

Putrajaya: Kementerian Sumber Manusia (KSM) meluluskan 541,315 kuota pengambilan pekerja warga asing sehingga 26 September lalu dan daripada jumlah itu, sebanyak 436,613 kuota sudah membuat bayaran levi.

KSM berkata, mengambil kira 1.3 juta pekerja warga asing sedia ada dan bilangan kuota yang diluluskan, sebanyak 541,315, jumlah itu hampir memenuhi permintaan industri untuk keperluan guna tenaga pekerja warga asing.

Katanya, keperluan guna tenaga pekerja asing di Malaysia dalam lingkungan 1.8 juta dan ia jumlah maksimum pernah dicapai.

1.3 juta pekerja asing berdaftar

"Setakat ini terdapat 1.3 juta pekerja warga asing di sektor dibenarkan pengambilan dan penggajian pekerja warga asing termasuk sektor tidak formal.

"Pada masa sama, lebih 612,000 pekerja warga asing berdaftar dan

lulus semakan Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan (PKK) di negara sumber, manakala terdapat 228,321 pekerja warga asing atau bersamaan 37.3 peratus sudah diluluskan Visa Dengan Rujukan oleh Jabatan Imigresen yang sedang menunggu masa untuk tiba di negara ini," katanya dalam kenyataan semalam.

KSM berkata, perbincangan diadakan dengan pihak industri mengenai isu kemasukan pekerja warga asing dan dimaklumkan bahawa industri seperti sektor perladangan yang diberikan kelulusan kuota, tidak akan membawa masuk guna tenaga pekerja warga asing secara sekali gus.

Katanya, pengambilan itu akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan dan perancangan majikan, kerana mereka mempunyai tempoh sehingga 18 bulan untuk membawa masuk pekerja warga asing selepas bayaran levi diselesaikan. BERNAMA



Pengambilan pekerja asing termasuk dalam sektor pembinaan ikut keperluan.

(Foto hiasan)